

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JUNE 2016

# INILAH DEKLARASI SEBENAR RAKYAT

Um - 20/6/2016



**A**PA lagi hujah pakatan pembangkang? Itulah soalan yang harus dijawab oleh kelompok berkenaan yang amat mengharapkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebagai titik tolak bagi meranapkan Barisan Nasional (BN) selepas mereka kalah teruk di Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak.

Tambahan pula sejak beberapa bulan lalu, PKR, DAP dan PAN bergabung dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggerakkan apa yang dipanggil 'Deklarasi Rakyat' yang bertujuan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak secara tidak demokratik.

Apabila Allah SWT mentakdirkan dua pilihan raya kecil tersebut diadakan, Dr. Mahathir menguar-uarkan ia perlu dijadikan referendum bagi menolak Perdana Menteri sekali gus mengesahkan keberkesanan 'Deklarasi Rakyat'.

Tetapi ternyata apabila keputusan diumumkan pengundi tidak terpengaruh dengan perancangan politik Dr. Mahathir dan pakatan pembangkang. Hasilnya, mereka bukan sahaja menolak calon pembangkang malah memberi kemenangan besar kepada BN.

Majoriti 12,653 undi yang diperoleh di Kuala Kangsar dan 9,191 undi di Sungai Besar boleh disifatkan isyarat jelas daripada rakyat kepada Dr. Mahathir dan sekutunya, PKR, DAP dan PAN supaya jangan melakukan tindakan di luar batasan demokrasi bagi mencapai cita-cita politik peribadi. Inilah deklarasikan sebenar rakyat.

Sejak awal lagi ramai tidak bersetuju dengan tindakan Dr. Mahathir apatah lagi apabila beliau yang kini berusia 91 tahun secara tiba-tiba sanggup berada sepentas dan menjulang pemimpin-pemimpin kanan DAP khususnya Lim Kit Siang serta Presiden PAN, Mo-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

hammad Sabu. Tindakan itu dilihat tidak wajar dan menampakkan seolah-olah Dr. Mahathir benar-benar terdesak dalam melunaskan dendam politik peribadinya terhadap Najib. Tambahan pula melakukan demonstrasi jalanan, mengadakan referendum dan mewujudkan apa yang dipanggil sebagai 'Deklarasi Rakyat' bagi menjatuhkan mana-mana pemimpin dan parti bukan budaya rakyat negara ini.

Deklarasi sebenar rakyat ialah gelanggang pilihan raya, tidak kira sama ada pilihan raya kecil mahupun pilihan raya umum. Sepatutnya di situlah rakyat diberi peluang menyatakan pendirian dan apabila mereka sudah membuat keputusan maka semua pihak perlu menghormatinya. Atas prinsip inilah Najib dan pemimpin-pemimpin BN tidak terganggu dengan perancangan Dr. Mahathir dan pakatan pembangkang. Sebaliknya, Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi turun di kedua-dua kawasan bagi meyakinkan rakyat hanya BN mampu membela nasib mereka.

"Orang kutuk kita, orang lanyak kita, orang buat macam-macam kepada kita tetapi kita tetap sabar. Allah sudah memberi kemenangan kepada orang yang sabar. Saya berdoa kepada Tuhan, jika saya betul, tunjukkan." kata Najib ketika berucap meraikan kemenangan BN di Sungai Besar. Sememangnya, kejayaan besar BN di kedua-dua kawasan itu membuktikan rakyat



**MOHAMAD SABU**

semakin muak melihat gelagat politik tidak bertempat pakatan pembangkang yang bersedia bekerjasama dan memeralatkan sesiapa sahaja waima Dr. Mahathir sendiri bagi mencapai cita-cita politik mereka.

Sebab itulah, di Kuala Kangsar, contohnya dalam tempoh 48 jam sebelum pengundian, walaupun sokongan kepada calon berada sekitar 34.6 peratus namun tahap sokongan kepada BN mencecah 66.5 peratus. Ini bermakna populariti parti mengatasi calon. Jika senario itu mahu diambil kira, ini membuktikan BN kembali memperkukuhkan sokongan dalam kalangan rakyat termasuk pengundi Cina ketika parti pembangkang berbalah sendiri. Kekalahan calon PAN menunjukkan pengundi khususnya orang Melayu tidak menerima tindakan parti itu bersekolong dengan DAP.

Keputusan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar juga memberi isyarat kepada pakatan pembangkang bahawa membangkitkan isu beraur perkauman dan mengitar semula isu lama biarpun sudah selesai bukanlah tindakan bijak serta tidak boleh dianggap 'satu deklarasikan rakyat', sebaliknya menunjukkan betapa mereka bankrap modal bagi berhadapan dengan BN. Sepatutnya tumpuan perlu diberikan terhadap apa yang akan mereka lakukan jika diberi peluang menguasai kedua-dua kawasan berkenaan. Itulah dilakukan BN



**LIM KIT SIANG**

apabila membentangkan satu demi satu perancangan yang mahu dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. BN tidak bercakap kosong atau menguar-uarkan supaya rakyat menjadikan pilihan raya kecil tersebut referendum menolak pembangkang.

Pembangkang pula oleh kerana begitu yakin dengan adanya Dr. Mahathir akan berjaya menarik sokongan rakyat terluca bahawa pengaruh bekas Perdana Menteri itu semakin luntur, ini sekali gus membuktikan dalam politik pepatah 'tiada rotan akarpun berguna' tidak boleh diguna pakai.

Kesimpulannya, kemenangan besar BN di Sungai Besar dan Kuala Kangsar banyak disumbangkan oleh peranan dimainkan oleh Kerajaan Pusat dalam meyakinkan pengundi. Apapun BN tidak boleh berasa selesa kerana perjalanan masih jauh.

Perhitungan sebenar ialah PRU-14 manakala pilihan raya kecil hanya pencetus momentum, justeru jangan ada pihak dalam parti itu terluca mendabik dada kononnya perhitungan politik mereka berjaya kerana keputusan rakyat boleh berubah khususnya dalam kalangan pengundi Cina.

Ingatlah pesanan Najib, "Bergeraklah dari sekarang. Jangan ada ego dan perasaan takbur, kita ini adalah untuk rakyat. Bawa diri dengan rendah diri. Insya-Allah rakyat akan bagi sokongan yang meningkat kepada kita."